

## IMPLIKASI AMALAN SOLAT TERHADAP AKHLAK PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOMPLEKS MENGABANG TELIPOT

## THE IMPLICATIONS OF PRACTICING SOLAT ON THE MORALITY OF STUDENTS AT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KOMPLEKS MENGABANG TELIPOT

Tengku Nursyahzanani Anis Tengku Jamil<sup>1\*</sup> & Zawawi Yusoff<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Terengganu, Malaysia

### ARTICLE INFO

\*Author Email Address:  
tengkuanis@gmail.com

Received Date:  
1 April 2024

Accepted Date:  
15 May 2024

Published Date:  
1 June 2024

Kata Kunci:  
Solat, Pengetahuan,  
Pengamalan, Implikasi, Akhlak

Keywords:  
*Prayer, Knowledge, Practice,  
Implications, Morality*

### Cite as:

Tengku Nursyahzanani Anis  
Tengku Jamil & Zawawi Yusoff.  
2024. Implikasi Amalan Solat  
Terhadap Akhlak Pelajar Sekolah  
Menengah Kebangsaan  
Kompleks Mengabang Telipot.  
*Jurnal Islam dan Masyarakat  
Kontemporari*, 25(1):25-37

### ABSTRAK

Solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ibadah solat adalah bentuk komunikasi antara seorang hamba dengan Penciptanya. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti implikasi amalan solat terhadap akhlak dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot dengan melihat tahap pengetahuan, tahap pengamalan solat fardhu dan implikasi terhadap akhlak. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dan teknik pensampelan rawak seterusnya dianalisis menggunakan metode deskriptif dan inferensi. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 191 orang pelajar tingkatan empat dan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot Kuala Nerus Terengganu. Instrumen kajian berbentuk soal selidik. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan tentang solat adalah tinggi (Min=4.37, SP=0.50), tahap pengamalan solat fardhu juga berada pada tahap tinggi iaitu (Min=4.28, SP=0.41), sementara itu, tahap implikasi solat fardhu terhadap akhlak turut berada pada tahap yang tinggi iaitu (Min=4.25, SP=0.58). Analisis inferensi korelasi Pearson pula digunakan untuk melihat hubungan di antara pemboleh ubah tidak bersandar dan hasilnya mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara pemboleh ubah. Oleh itu, harapan pengkaji kepada pihak sekolah dan ibu bapa perlu meneruskan program keagamaan agar dapat mengekalkan dan meningkatkan tahap pengetahuan dan pengamalan solat dalam kalangan pelajar, sekali gus dapat melahirkan pelajar yang berakhlak mulia.

### ABSTRACT

*Prayer is the second pillar of Islam after the declaration of the two testimonies of faith and is obligatory for every Muslim. The act of praying serves as a form of communication between a servant and their Creator. This study aims to identify the implications of practicing prayer on the morality of students at Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot by examining the level of knowledge, the practice of obligatory prayers, and the implications for morality. The study employs a survey design and random sampling technique, with data analyzed using descriptive and inferential methods. The respondents consisted of 191 Form Four and Five students from Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot in Kuala Nerus, Terengganu. The research instrument was a questionnaire. The results of the study indicated that the level of knowledge about prayer was high (Mean=4.37, SD=0.50), the level of practice of obligatory prayers was also high (Mean=4.28, SD=0.41), and the level of the implications of obligatory prayers on morality was equally high (Mean=4.25, SD=0.58). Pearson correlation inferential analysis was used to examine the relationships between the independent variables, revealing significant correlations between them. Therefore, the researcher hopes that the school and parents will continue religious programs to maintain and enhance the level of knowledge and practice of prayers among students, thereby fostering students with noble character.*

## PENGENALAN

Menurut Alawi al Maliki (2007), Islam adalah agama yang komprehensif, mencakup seluruh aspek kehidupan manusia dan memiliki hubungan yang tidak terputus antara seorang hamba dengan Penciptanya. Solat merupakan satu ibadat yang agung dalam Islam dengan kemuliaan pensyariatannya melalui peristiwa Israk dan Mikraj di mana Rasulullah SAW menerimanya secara langsung ketika Baginda menghadap Allah SWT di Sidratul Muntaha. Mohd Yunus (2015) menekankan bahawa solat merupakan segmen penting dalam urusan agama yang wajib diketahui oleh setiap Muslim. Setiap Muslim tidak boleh mendakwa dirinya tidak tahu tentang kewajipan solat. Solat diibaratkan sebagai tiang agama, menjadi kunci menuju kebahagiaan syurga bagi orang-orang mukmin dan akan menjadi amalan yang pertama dihitung di hari akhirat.

Menurut Sabiq (1990) solat merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Ibadah solat adalah bentuk komunikasi antara seorang hamba dengan Penciptanya. Menurut Yaacob & Syed Omar (2019) pelaksanaan solat yang sempurna juga memiliki potensi untuk mempengaruhi kehidupan dan pengurusan hidup seorang mukmin menjadi lebih positif, berperancangan dan berkualiti. Ini sesuai dengan maksud firman Allah SWT dalam surah Al-Ankabut (29:45): "*Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar.*" Ayat ini menjelaskan bahawa, seorang Muslim akan merasakan bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi dan memerhatikan perilakunya, sehingga dapat menjauhkannya dari segala bentuk kejahatan, dan menjaga dirinya dari hal-hal yang bersifat negatif (Mustafa Masyhur, 1989).

Pelaksanaan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) oleh KPM adalah satu inisiatif yang penting bagi memenuhi keperluan pelajar melalui aktiviti bermodul dan penilaian sepanjang persekolahan di peringkat menengah. Program SUMUR ini bertujuan untuk membentuk pelajar yang holistik dan merangkumi empat modul utama iaitu *Mutadayyin*, Modul Berbudhi Bahasa, Modul Jati Diri, dan Modul Penampilan Diri. Modul *Mutadayyin* ini dibahagikan kepada tiga aspek, termasuk aspek solat berkualiti.

Kes jenayah dalam kalangan pelajar sekolah di Terengganu menunjukkan pola yang membimbangkan apabila jumlah tangkapan terus meningkat saban tahun. Pada tahun 2020, sebanyak 88 kes melibatkan pelajar direkodkan dalam indeks jenayah, sementara tahun 2021 mencatatkan 39 kes dan angka ini meningkat lagi pada tahun 2022 dengan 72 kes. Jenayah kekerasan yang paling menonjol bagi tempoh 2020 hingga 2022 ialah kes rogol, dengan 27 kes pada tahun 2020, 15 kes pada tahun 2021 dan 20 kes pada tahun 2022. Bagi jenayah harta benda pula, kecurian menjadi kes paling dominan sepanjang tempoh tersebut. Mangsa dan pelaku jenayah ini terdiri daripada pelajar berusia antara 11 hingga 18 tahun. Statistik ini menggambarkan satu realiti yang serius, di mana tangkapan salah laku jenayah dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang tinggi setiap tahun (Sumber: Polis Diraja Malaysia).

Generasi Z merupakan generasi yang terkini dan generasi yang akan meneruskan kepimpinan negara dan dunia dalam beberapa dekad dari sekarang. Aktiviti-aktiviti yang berbentuk kem, kursus dan program yang bertujuan meningkatkan pemahaman, penghayatan dan pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan pelajar telah pun dijalankan sebelum ini, namun masih berlaku salah laku jenayah dalam kalangan pelajar dan indeks menunjukkan berlaku peningkatan. Adakah pelajar belum memenuhi maksud solat yang sebenar atau mengabaikan solat fardhu lima waktu yang dapat menjadi pelindung kepada seseorang individu daripada melakukan kemungkar. Pengabaian solat fardhu akan menimbulkan masalah yang lebih serius dan masalah disiplin yang tidak pernah selesai dalam kalangan pelajar. Pembangunan sesebuah negara akan terjejas sekiranya akhlak pelajar merosot. Oleh yang demikian, kajian ini

amat signifikan dalam membentuk perilaku seorang Muslim yang beriman.

## SOROTAN LITERATUR

Pembentukan akhlak yang mulia sangat dititik beratkan dalam kalangan orang Islam. Ibadah solat merupakan antara amalan-amalan yang dapat membentuk akhlak mulia. Menurut Amina (1995:55) solat memainkan peranan penting dalam pembentukan individu seorang Muslim. Tanpa melaksanakan ibadah solat, kehidupannya pasti terumbang ambing untuk melawan anasir jahat. Hal ini diperkuat lagi dengan firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45:

اِنَّ مَا اُوْحِيَ اِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَاَقِمِ الصَّلَاةَ ۗ اِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاۗءِ  
وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ ۗ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ

Maksudnya: Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-Ankabut: 45)

Menurut Mohd Arshad (1999) solat dapat menguatkan iman seseorang dan membersihkan diri dari amalan keji dan mungkar. Allah SWT telah menetapkan kewajipan ibadah solat dalam al-Quran, dan sesiapa dengan sengaja meninggalkan solat lima waktu adalah berdosa dan akan mendapat balasan azab yang pedih bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat kelak.

Kajian yang dilakukan oleh Nadzri et al., (2018) dalam artikel bertajuk "Isu-Isu Pengabaian Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor" menunjukkan bahawa masih terdapat ramai remaja yang mengabaikan pelaksanaan solat lima waktu, meskipun mereka berasal dari sekolah aliran agama. Pihak yang berkepentingan juga disarankan untuk mencari pendekatan dan strategi yang lebih efektif untuk membantu memastikan agar remaja dapat menjalankan solat secara konsisten. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya menumpukan kepada latar belakang pendidikan awal tentang solat dan faktor-faktor yang menyebabkan pengabaian solat lima waktu dalam kalangan remaja Muslim di Selangor. Oleh itu, kajian ini akan meneliti tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta hubungan ibadah solat terhadap akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot.

Dalam kajian oleh Norzira Ahmad (2019) dalam kajiannya berjudul "Pengamalan Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Pengurusan dalam Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS)" menyimpulkan bahawa tahap pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan pelajar masih belum memuaskan, bahkan hasil kajian juga menunjukkan bahawa para pelajar memiliki pengetahuan yang baik mengenai ibadah dan pelaksanaan solat. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih berfokus kepada tahap kefahaman pelajar tentang ibadah solat serta faktor-faktor utama yang mempengaruhi pelajar PTSS dalam melaksanakan solat. Oleh itu, kajian ini akan meneliti tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta hubungan ibadah solat terhadap akhlak pelajar.

Kajian Samad & Hamzah (2020) mendapati bahawa penekanan terhadap iman yang berlandaskan pada tauhid kepada Allah SWT sangat penting untuk mewujudkan kehidupan

yang harmoni. Namun, kajian tersebut lebih menumpukan kepada tahap penghayatan pelajar terhadap solat fardhu dan faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardhu. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti hubungan ibadah solat terhadap akhlak pelajar sekolah menengah Kompleks Mengabang Telipot.

Menurut Bakar et al., (2021) dalam penelitiannya yang berjudul "Amalan Solat dan Implikasinya dalam Pembentukan Sahsiah Serta Nilai Taqwa dalam Diri Pelajar" menunjukkan bahawa keberhasilan dalam pembentukan sahsiah pelajar di institusi pengajian tinggi dapat diukur melalui amalan solat mereka. Sebaliknya, sahsiah yang negatif akan muncul sekiranya pelaksanaan solat dalam kehidupan seharian diabaikan. Namun, kajian tersebut tidak meneliti kefahaman pelajar tentang solat. Oleh itu, kajian ini akan meneliti tahap pengetahuan pelajar terhadap solat.

Ismail & Ali (2021) dalam kajiannya berjudul "Pelaksanaan Amalan Solat Fardu Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Lelaki di Surau at-Taqwa, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)" mendapati bahawa faktor utama yang mendorong pelaksanaan amalan solat fardhu adalah pengaruh dari rakan sebaya. Dalam pada itu, faktor utama yang tidak menggalakkan pelaksanaan amalan solat fardhu lima waktu berjemaah dalam kalangan pelajar lelaki di surau at-Taqwa, IKMAS adalah bebanan tugas kuliah. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih menumpukan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan solat fardhu berjemaah serta faktor-faktor yang menghalang pelajar lelaki daripada solat berjemaah. Oleh itu, kajian ini akan meneroka tahap pengetahuan solat dan pengamalan serta hubungan solat terhadap akhlak pelajar sekolah menengah Kompleks Mengabang Telipot.

Kajian Hasan et al., (2021) menekankan pentingnya ibadah solat dalam kehidupan sebagai benteng melawan perbuatan mungkar dan cara untuk menjauhkan diri dari perkara negatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelbagai faktor keberhasilan pelaksanaan ibadah solat perlu diperhatikan agar dapat melahirkan generasi remaja yang menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Namun, kajian ini lebih fokus kepada implikasi program amali solat terhadap pembentukan akhlak pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat tahap pengetahuan dan pengamalan solat serta hubungan ibadah solat terhadap akhlak pelajar sekolah menengah Kompleks Mengabang Telipot.

Kajian oleh Sulaiman & Zulkifli (2021) dalam kajiannya bertajuk "Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah" menunjukkan bahawa tahap pelaksanaan solat fardhu dalam kalangan murid masih kurang memuaskan. Dengan melaksanakan solat secara konsisten, dapat melahirkan satu generasi yang cemerlang dan memiliki nilai akhlak yang tinggi. Walau bagaimanapun, kajiannya lebih meneroka kepada penghayatan solat dan implikasinya terhadap akhlak. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kepada hubungan ibadah solat terhadap akhlak pelajar sekolah menengah Kompleks Mengabang Telipot.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian merupakan aspek yang sangat penting dalam melaksanakan penyelidikan. Hasil dari kajian juga bergantung pada metodologi yang digunakan dalam kajian. Pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang mana soal selidik digunakan terhadap responden dari kalangan pelajar sekolah menengah sebagai sokongan kajian ini. Kajian kuantitatif adalah kaedah menggunakan statistik serta bersifat numerikal dengan parameter yang boleh diukur (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018).

## **Reka Bentuk Kajian**

Chua (2011) menyatakan bahawa penggunaan kajian tinjauan bertujuan untuk mengkaji isu atau masalah secara menyeluruh, dan penggunaan sampel yang besar dapat mempercepat pengumpulan data. Maklumat akan terus diperolehi melalui responden yang berkaitan serta dapat menyatakan tentang kajian dan juga populasi secara menyeluruh.

Pengkaji akan menggunakan empat bentuk soal selidik di dalam kajian ini yang pertama adalah bahagian demografi. Kedua, tahap pengetahuan tentang solat. Ketiga, tahap pengamalan solat fardhu. Keempat, tahap implikasi solat fardhu terhadap akhlak pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot. Oleh itu, data akan dikumpulkan melalui kaedah tinjauan dengan pengedaran borang soal selidik kepada responden. Analisis deskriptif seperti peratus, kekerapan, min, mod, median yang digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan sampel yang diperolehi dan dikutip daripada responden adalah tepat dan cepat.

### Populasi Dan Persampelan Kajian

Persampelan adalah berkaitan dengan proses pemilihan sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian ini. Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih responden dari kalangan pelajar tingkatan empat dan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot untuk dijadikan sampel. Pengkaji telah menggunakan jadual Krejcie & Morgan (1970), untuk melihat saiz sampel yang sesuai daripada populasi. Jumlah populasi adalah seramai 362 orang. Pengkaji memilih 191 orang pelajar sebagai responden daripada 362 orang.

### Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik secara *online* sebagai alat untuk mengumpulkan data. Penggunaan instrumen ini biasanya dipilih oleh pengkaji untuk mengukur konsep yang terkait dengan persepsi, pandangan, dan sikap, selain dari keterangan latar belakang (Mohd Najib, 1997). Mohd Najib (1999), menyatakan bahawa bagi memperoleh data yang diperlukan seperti perasaan, kepercayaan, dan sebagainya, penggunaan soal selidik adalah metode yang paling sesuai dijadikan sebagai alat pengukur kerana dapat mengumpulkan maklumat dengan cepat dalam penyelidikan.

### Dapatan Kajian

Pada bahagian ini analisis data diperoleh melalui dapatan kajian yang melibatkan 191 responden pelajar tingkatan empat dan lima SMK Kompleks Mengabang Telipot Terengganu.

### Taburan Demografi

Jadual di bawah menunjukkan taburan demografi responden yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima SMK Kompleks Mengabang Telipot.

Jadual 1: Taburan kekerapan responden

Item		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	88	46.1%
	Perempuan	103	53.9%
Umur	16	68	35.6%

	17	123	64.4%
Tempat Tinggal	Bandar	73	38.2%
	Luar Bandar	118	61.8%

Jadual 1 di atas menunjukkan seramai 88 orang peserta kajian terdiri daripada pelajar lelaki dengan peratusan 46.1% daripada jumlah keseluruhan peserta kajian. Manakala, responden dari kalangan pelajar perempuan pula adalah seramai 103 orang dengan peratusan 53.9%. Seterusnya, pelajar yang berumur 16 tahun seramai 68 orang dengan peratusan 35.6%, selebihnya pelajar yang berumur 17 tahun seramai 123 orang dengan peratusan 64.4%. Sementara itu, pelajar yang tinggal di bandar seramai 73 orang dengan peratusan 38.2%, manakala pelajar yang tinggal di luar bandar pula seramai 118 orang iaitu 61.8%.

### Tahap Pengetahuan Tentang Solat Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kompleks Mengabang Telipot

Jadual 2: Tahap Pengetahuan tentang Solat

Bil.	Item	N	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya mengetahui makna solat.	191	4.47	0.69
2.	Solat ialah ungkapan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam.	191	4.71	0.62
3.	Saya mengetahui orang Islam wajib solat.	191	4.65	0.64
4.	Suci dari segala hadas merupakan syarat-syarat sah solat.	191	4.77	0.61
5.	Saya mengetahui bacaan al-Fatihah termasuk rukun solat.	191	4.80	0.54
6.	Tahiyat awal merupakan sunat ab'adh	191	3.81	1.37
7.	Saya mengetahui berpaling dada dari arah kiblat dengan sengaja membatalkan solat.	191	4.34	1.13
8.	Hukuman dan azab kepada mereka yang sengaja meninggalkan solat.	191	2.67	1.77
9.	Saya mengetahui sekiranya tidak menunaikan solat akan berdosa.	191	4.77	0.66
10.	Saya mengetahui setiap solat yang ditinggalkan wajib diqada'.	191	4.77	0.60
<b>Nilai keseluruhan</b>			<b>4.37</b>	<b>0.50</b>

Jadual 2 menunjukkan gambaran pelajar terhadap tahap pengetahuan tentang solat. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.37 dengan nilai sisihan piawai 0.50. Nilai min paling tinggi bagi tahap pengetahuan tentang solat ini adalah item 5 “saya mengetahui bacaan al-Fatihah termasuk rukun solat” iaitu 4.80 dengan nilai sisihan piawai 0.54. Ini menunjukkan bahawa pelajar mengenali rukun solat. Nilai kedua tertinggi iaitu item 4, 9 dan 10 min 4.77 dengan nilai sisihan piawai 0.61 dengan kenyataan “suci dari segala hadas

merupakan syarat-syarat sah solat”. Manakala item 9 dengan kenyataan “saya mengetahui sekiranya tidak menunaikan solat akan berdosa” dengan nilai sisihan piawai 0.66. Seterusnya item 10 dengan kenyataan “saya mengetahui setiap solat yang ditinggalkan wajib diqada” dengan nilai sisihan piawai 0.60. Nilai ketiga tertinggi merupakan item 2 iaitu “solat ialah ucapan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam” dengan nilai min 4.71 dan nilai sisihan piawai 0.62. Nilai min yang paling rendah adalah item 8 iaitu “bergerak tiga kali berturut-turut membatalkan solat” 2.67 dengan sisihan piawai 1.77. Sementara itu, item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu dari 3.81 sehingga min 4.65.

### Tahap Pengamalan Solat Fardhu

Jadual 3: Tahap Pengamalan Solat Fardhu

Bil.	Item	N	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya sentiasa mendirikan solat di awal waktu.	191	3.80	0.78
2.	Saya tetap akan mendirikan solat walau dalam keadaan sibuk.	191	4.30	0.87
3.	Saya merasa tenang ketika mendirikan solat.	191	4.66	0.64
4.	Saya solat dalam keadaan khusyuk.	191	3.77	0.83
5.	Saya menunaikan solat lima waktu sehari semalam.	191	4.23	0.69
6.	Saya sentiasa solat berjemaah.	191	4.31	0.67
7.	Saya pernah meninggalkan solat fardhu.	191	4.01	0.75
8.	Saya menunaikan solat maghrib walaupun dalam keadaan sibuk.	191	4.57	0.63
9.	Saya akan menunaikan solat isyak sebelum tidur.	191	4.48	0.72
10.	Saya membaca doa setiap kali selesai solat fardhu.	191	4.68	0.53
<b>Nilai keseluruhan</b>			<b>4.28</b>	<b>0.41</b>

Jadual 3 menunjukkan gambaran pelajar terhadap tahap pengamalan solat fardhu. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.28 dengan nilai sisihan piawai 0.41. Nilai min paling tinggi bagi tahap pengamalan solat fardhu ini adalah item 10 “saya membaca doa setiap kali selesai solat fardhu” iaitu 4.67 dengan nilai sisihan piawai 0.53. Ini menunjukkan majoriti pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot membaca doa setiap kali selesai solat. Seterusnya, nilai kedua tertinggi iaitu min 4.66 dengan nilai sisihan piawai 0.64 item 3 dengan kenyataan “saya merasa tenang ketika mendirikan solat”. Nilai ketiga tertinggi merupakan item 8 iaitu “saya menunaikan solat maghrib walaupun dalam keadaan sibuk” dengan nilai min 4.57 dan nilai sisihan piawai 0.63. Nilai min yang paling rendah adalah item 4 iaitu “saya solat dalam keadaan khusyuk” 3.77 dengan sisihan piawai 0.83. Ini menunjukkan tahap khusyuk ketika solat pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot masih dalam keadaan lemah. Sementara itu, item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu min 3.80 sehingga min 4.48.

### Tahap Implikasi Solat Fardhu Terhadap Akhlak

Jadual 4: Tahap Implikasi Solat Fardhu terhadap Akhlak

Bil.	Item	N	Min	Sisihan Piawai
1.	Saya sentiasa menutup aurat dengan sempurna.	191	4.11	0.95
2.	Saya tidak bergaul bebas (lelaki/perempuan).	191	4.18	0.86
3.	Saya sentiasa bersangka baik kepada orang lain.	191	4.21	0.77
4.	Saya memberi bantuan kepada kawan-kawan ketika dalam kesusahan.	191	4.31	0.73
5.	Saya selalu mengajak kawan-kawan untuk melakukan kebaikan.	191	4.20	0.84
6.	Saya sentiasa hormat ibu bapa/ guru-guru/ kawan-kawan.	191	4.44	0.70
7.	Saya bukan orang yang mementingkan diri sendiri.	191	4.16	0.80
8.	Saya sentiasa berfikiran positif terhadap apa yang berlaku pada diri saya.	191	4.04	0.90
9.	Saya berusaha untuk taat dan patuh kepada segala peraturan yang ditetapkan.	191	4.43	0.75
10.	Saya sentiasa berdisiplin dan berusaha untuk menghindarkan diri dari sifat/ perkara yang tidak baik.	191	4.41	0.71
<b>Nilai keseluruhan</b>			<b>4.25</b>	<b>0.58</b>

Jadual 4 menunjukkan gambaran pelajar terhadap implikasi solat fardhu terhadap akhlak pelajar. Nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.25 dengan nilai sisihan piawai 0.58. Nilai min paling tinggi bagi implikasi amalan solat terhadap akhlak ini adalah item 6 iaitu “saya sentiasa hormat ibu bapa/ guru-guru/ kawan-kawan” iaitu 4.44 dengan nilai sisihan piawai 0.70. Ini menunjukkan bahawa implikasi dari amalan solat pelajar dapat dilihat melalui akhlak yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian. Manakala kedua tertinggi item 9 “saya berusaha untuk taat dan patuh kepada segala peraturan yang ditetapkan” dengan nilai min 4.43 dan sisihan piawai 0.75. Seterusnya, nilai ketiga tertinggi iaitu min 4.41 dengan nilai sisihan piawai 0.71 iaitu item 10 dengan kenyataan “saya sentiasa berdisiplin dan berusaha untuk menghindarkan dari dari sifat/ perkara yang tidak baik”. Nilai min yang paling rendah adalah item 8 iaitu “saya sentiasa berfikiran positif terhadap apa yang berlaku pada diri saya” 4.04 dengan sisihan piawai 0.90. Sementara itu, item yang lain berada pada tahap tinggi iaitu min 4.11 sehingga min 4.31.

### Hubungan Signifikan Di Antara Tahap Pengetahuan, Pengamalan Solat Serta Implikasi Solat Fardhu terhadap Akhlak Pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot

Jadual 5: Hubungan antara pemboleh ubah

Korelasi			
Pemboleh ubah	Pengetahuan	Pengamalan	Implikasi

Pengetahuan	Pearson Correlati on	1	.609**	.495**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	191	191	191
Pengamalan	Pearson Correlati on	.609**	1	.718**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	191	191	191
Implikasi	Pearson Correlati on	.495**	.718**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	191	191	191
**. Korelasi signifikan pada paras 0.01 (2-tailed).				

Analisis Korelasi Pearson telah dilaksanakan untuk melihat hubungan di antara tahap pengetahuan tentang solat, tahap pengamalan solat fardhu dan implikasi amalan solat terhadap akhlak pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot. Jadual 5 menunjukkan hasil analisis nilai pekali korelasi yang diperolehi. Kajian mendapati bahawa nilai (r) antara tahap adalah  $r = 0.61$ ,  $P = 0.00$ , ( $p < 0.01$ ). Kedua-dua pemboleh ubah berhubung secara kuat. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan tentang solat mempunyai hubungan yang baik dengan tahap pengamalan solat. Seterusnya korelasi antara pengetahuan dan implikasi mempunyai nilai  $r = 0.50$ ,  $P = 0.00$ , ( $p < 0.01$ ) menunjukkan tahap korelasi di antara kedua-dua pemboleh ubah secara keseluruhan adalah kuat. Terdapat perkaitan signifikan di antara pengetahuan dan implikasi terhadap akhlak. Selain itu, pengamalan solat dan implikasi terhadap akhlak mendapati bahawa nilai pekali korelasi  $r = 0.72$ ,  $P = 0.00$ , ( $p < 0.01$ ). Kedua-dua pemboleh ubah berhubung secara kuat. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang sentiasa menunaikan amalan solat dapat mempengaruhi tingkah lakunya dalam kehidupan seharian. Terdapat perkaitan signifikan di antara amalan solat dan implikasi terhadap akhlak pelajar.

## PERBINCANGAN

### Tahap Pengetahuan Tentang Solat

Berdasarkan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.37 dengan nilai sisihan piawai 0.50. Nilai min paling tinggi bagi konstruk tahap pengetahuan tentang solat adalah item 5 "Saya mengetahui bacaan al-Fatihah termasuk rukun solat" iaitu 4.80 dengan nilai sisihan piawai 0.54. Ini menunjukkan pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang rukun solat. Adalah wajar untuk menyatakan pelajar sekolah ini menunjukkan akhlak yang baik kerana mereka berpengetahuan dan mengamalkan ibadah solat dengan baik.

Selain itu, hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Nadzri et al., (2018) bertajuk "Isu-Isu Pengabaian Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor" menemui bahawa masih terdapat remaja yang mengabaikan solat lima waktu, walaupun mereka berasal dari sekolah aliran agama. Pandangan ini disokong oleh Mohd Mansor et al. (2021) yang dalam kajiannya menunjukkan bahawa tahap penghayatan solat dalam kalangan pelajar masih kurang memuaskan. Sewajarnya, ibadah yang wajib dan merupakan salah satu rukun utama dalam Islam ini tidak boleh diabaikan dan harus dilaksanakan dengan sempurna. Lebih

mendukacitakan lagi, terdapat remaja dan pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman tentang solat tetapi tetap tidak melaksanakannya (Hasna Bidin, 2016).

Pendidikan solat merupakan bentuk pendidikan awal yang perlu diberi penekanan sebagai amalan bagi kanak-kanak Muslim sejak usia tujuh tahun, sebagaimana yang disarankan oleh Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana solat fardhu merupakan tonggak dalam agama Islam. Solat fardhu juga termasuk dalam rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Islam yang memiliki kesihatan akal dan telah mencapai usia baligh (Siti Zaleha et al., 2016; Sharifah Nur, 2012). Penghayatan solat yang mendalam akan mempengaruhi sikap, peribadi dan kehidupan para pelajar. Oleh itu, rendahnya penghayatan solat sering dianggap sebagai punca kepada gejala keruntuhan akhlak dan masalah sosial yang melanda umat Islam masa kini.

### Tahap Pengamalan Solat Fardhu

Berdasarkan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.28 dengan nilai sisihan piawai 0.41. Nilai min paling tinggi bagi konstruk tahap pengamalan solat adalah item 10 "Saya membaca doa setiap kali selesai solat fardhu" iaitu 4.68 dengan nilai sisihan piawai 0.53. Ini menunjukkan majoriti pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot membaca doa seusai solat fardhu. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ghaafir ayat 60 yang bermaksud: "*Berdoalah kepada-Ku nescaya akan Kuperkenankan bagimu*" Allah SWT sangat menyukai hamba-hambaNya yang berdoa kepadanya, oleh sebab itu doa dianjurkan setiap saat.

Hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Nadzri et al., (2018) bertajuk "Pendidikan Awal Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor," menunjukkan bahawa pelaksanaan solat dalam kalangan remaja masih pada tahap yang sederhana dan ramai pelajar yang mengabaikan kewajipan solat lima waktu. Pandangan ini disokong oleh Mohd Nawi & Ab. Ghani (2021), dalam kajiannya menunjukkan bahawa lebih 50 peratus pelajar yang sentiasa mengabaikan solat fardhu lima waktu walaupun mereka menyedari akan kewajipan solat fardhu tersebut. Pendidikan solat merupakan bentuk pendidikan awal yang perlu diberi penekanan sebagai amalan bagi kanak-kanak Muslim bermula usia seawal tujuh tahun. Sebagaimana firman Allah SWT:

رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۗ رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

Maksudnya: "*Ya Tuhanku! Jadikanlah aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat*" Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku.

Berdasarkan ayat tersebut, dapat disimpulkan bahawa cara mendidik anak-anak agar taat kepada Allah SWT adalah melalui pelaksanaan perintah-Nya. Sebagaimana Luqman, mendidik anaknya agar melaksanakan solat dengan sempurna. Pelaksanaan ibadah solat merupakan tanda keperibadian sejati seorang muslim, sekaligus menjadi jambatan yang menghubungkan makhluk dengan Penciptanya tanpa perantaraan (Abdulullah & Hamid, 2006). Solat yang dilakukan dengan sempurna dapat mencegah perbuatan maksiat, keji dan mungkar. Melalui solat juga, manusia dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan bertaqarrub dengan-Nya (Mat Ismail, 1994).

### Tahap Implikasi Solat Fardhu Terhadap Akhlak

Berpandukan kepada dapatan daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa nilai

purata min keseluruhan bagi konstruk ini adalah tinggi iaitu 4.25 dengan nilai sisihan piawai 0.58. Nilai min paling tinggi bagi konstruk tahap implikasi solat fardhu terhadap Akhlak adalah item 6 “saya sentiasa hormat ibu bapa/ guru-guru/ kawan-kawan” iaitu 4.44 dengan sisihan piawai 0.70. Ini menunjukkan bahawa akhlak yang ditunjukkan dalam kehidupan seharian oleh pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot kesan dari pelaksanaan amalan solat yang sempurna dan konsisten.

Ibadah solat adalah satu bentuk peribadatan yang sangat penting dan berperanan dalam membentuk perilaku seseorang. Keimanan seseorang akan semakin kuat dengan banyaknya amalan solat. Oleh itu, pelaksanaan solat dapat menjadi penghalang terhadap perbuatan yang mungkar dan tidak baik, sebagaimana dinyatakan dalam firman Allah SWT:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۗ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksudnya: Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, yaitu Al Kitab (Al Quran) dan dirikanlah shalat. Sesungguhnya shalat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (shalat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

(Surah al-Ankabut: 45).

Bagaimanapun, peranan dan fungsi solat sebagai benteng melawan perbuatan maksiat dan kemungkaran semakin dilupakan sejak akhir-akhir ini. Hal ini terbukti melalui hasil kajian yang dilakukan oleh Bakar et al., (2021) dalam kajiannya bertajuk "Amalan Solat dan Implikasinya dalam Pembentukan Sahsiah Serta Nilai Taqwa dalam Diri Pelajar." Kajian tersebut mendapati bahawa keberhasilan pembentukan sahsiah pelajar di institusi pengajian tinggi dapat diukur melalui amalan solat mereka. Pandangan ini disokong oleh Noor Mohamed (2015) yang dalam kajiannya menyatakan bahawa solat yang khusyuk mampu mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar, serta memberikan ketenangan dan kedamaian dalam kehidupan. Justeru itu, sahsiah yang negatif mungkin timbul apabila amalan solat diabaikan dalam kehidupan seharian.

## KESIMPULAN

Solat merupakan ibadah yang paling penting di dalam agama Islam dan wajib ditunaikan oleh setiap mukallaf. Amalan solat merupakan satu amalan yang mulia disisi Allah SWT yang dapat mendidik jiwa dan rohani manusia. Pelaksanaan ibadah solat bukan hanya meningkatkan martabat individu yang rajin melaksanakannya, tetapi juga dapat mencegah dari terjerumus ke dalam perbuatan keji dan mungkar. Ibadah solat mestilah dilakukan dengan sempurna, khusyuk dan ikhlas supaya diterima oleh Allah SWT. Penglibatan pelajar dalam ibadah solat perlu diterapkan melalui aspek pengetahuan dan pengamalan.

Hasil kajian ini membuktikan akhlak pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot berada pada tahap yang baik kerana mempunyai tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan yang baik dalam hal ibadah solat. Walau bagaimanapun, pemahaman dan pengamalan solat perlu sentiasa ditingkatkan untuk memastikan kesan positif yang berterusan dalam pembentukan sahsiah diri dan mengelakkan gejala sosial yang negatif. Pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat perlu bekerjasama dalam memastikan para pelajar terus komited terhadap solat serta menjadikan solat sebagai sebahagian daripada rutin harian mereka. Dengan usaha yang

berterusan, diharapkan generasi pelajar yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab dapat dibentuk, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian masyarakat. Antara cadangan bagi memantapkan lagi pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar adalah:

- a. Melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk kem, kursus dan program pendidikan solat yang merangkumi aspek teori dan praktikal solat seperti bengkel solat, sesi tadarus al-Quran dan ceramah motivasi berkaitan kepentingan solat secara berkala.
- b. Menyediakan sesi kaunseling dan bimbingan khusus untuk membantu pelajar memahami kepentingan solat dalam kehidupan seharian. Kaunselor dan guru agama boleh memainkan peranan penting dalam memberikan sekongan moral dan rohani.
- c. Menjalankan penilaian berkala terhadap tahap pemahaman dan pengamalan solat dalam kalangan pelajar untuk mengukur keberkesanan program yang dilaksanakan dan membuat penambahbaikan yang diperlukan.

## RUJUKAN

- Abdullah, S., & Hamid, R. (2006). Pendidikan Aqidah Luqman Al-Hakim: Satu Analisis Dalam Konteks Pembangunan Modal Insan". *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, Universiti Malaya, 2006*, 2(358).
- Alawi al Maliki, S. M. (2007). *Mu'jizat Isra' dan Mi'raj (al-Anwar al-Bahiyah min Isra' wa Mi'raj Khayr al-Bariyyah)*, Sofa Production.
- Amina Hj Noor (1995). *Ciri-ciri Remaja Muslim*. Kuala Lumpur. Dinie Publisher. :ms 55-87.
- Bakar, R. A., Nordin, R., & Hashim, H. (2021). Amalan solat dan implikasinya dalam pembentukan sahsiah serta nilai taqwa dalam diri pelajar. *International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference 6th APRIL 2021, 2021(April)*, 84–97.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hasan, S. A., Yahya, M. A., & Ibrahim, A. F. (2021). Implikasi program amali solat dalam pembentukan akhlak pelajar : kajian di Sekolah Menengah Daerah Alor Gajah, Melaka. *Jurnal 'Ulwan*, 6(3), 149–178.
- Ismail, H., & Ali, A. N. M. (2021). *Pelaksanaan Amalan Solat Fardu Berjemaah dalam Kalangan Pelajar Lelaki di Surau At-Taqwa, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)*.
- Mat Ismail, A. R. (1994). *Roh Sembahyang*. Darul Nu'man: Kuala Lumpur.
- Mohd Arshad. (1999). *Solat Fardhu sebagai Wadah Jamaah dan Perpaduan Ummah*. Penulisan Ilmiah.
- Mohd Yunus, A. (2015). *Ada Apa Dengan Solat? Must Read*. Sdn. Bhd.
- Mustafa Masyhur. (1989). *Suri Teladan di Sepanjang Jalan Da'wah*. Dewan Pustaka Fajar: Kuala Lumpur.
- Nadzri, S., Shamsudin, S. M., Rahman, S. S. A., Mokhtar, A. A., & Razali, A. R. M. (2018a). *Isu-Isu Pengabaian Solat dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor. 2018(December)*, 83–102.
- Nadzri, S., Shamsudin, S. M., Rahman, S. S. A., Mokhtar, A. A., & Razali, A. R. M. (2018b). Pendidikan awal solat dalam kalangan remaja di negeri Selangor. *5th International Conference on Management and Muamalah, 2018(ICoMM)*, 297–317.
- Norzira Ahmad. (2019). Pengalaman Solat fardhu Dalam Kalangan Pelajar Pengurusan Dalam

- Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS). *International Innovation In Teaching and Learning & Language Education Conference*, 83–93.
- Sabiq, S. (1990). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Diyan.
- Samad, M. Z. A., & Hamzah, M. I. (2020). *Pengaruh Solat Fardhu di Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Lawas, Sarawak*. 5(November), 1421–1427.
- Sulaiman, M. K., & Zulkifli, H. (2021). Implikasi Solat Terhadap Akhlak dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 1–13. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.91>
- Yaacob, M. S., & Syed Omar, S. H. (2019). *Pengurusan Cemerlang Menerusi Solat Khusyuk Berpandukan Model Al-Ghazali*. UniSZA.